



AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI MELAKA

اهلي مجلس مشوارت كراجان نكري ملاك

Ruj. Kami : PTHM/PB/K/900-3/10 (109)

Tarikh : 29 Julai 2024

3 Muharram 1446H

Semua Ketua Jabatan Negeri Melaka

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Melaka

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

Semua Ketua Pegawai Agensi Badan Berkanun Negeri / Persekutuan Negeri

Semua Ketua Syarikat Kerajaan Negeri / Persekutuan Negeri

Semua Ketua Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta Negeri

Semua Ketua Bahagian / Unit Jabatan Ketua Menteri Melaka

Semua Ketua / Pengurus Syarikat Swasta

Semua Ketua Kementerian Persekutuan

YB Datuk / SS Datuk Wira / YDH Datuk Wira / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Dato' Indera / YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / YBhg. Datin / Tuan / Puan,

PERMOHONAN TAJAAN SEMPENA PENGANJURAN MAJLIS ANUGERAH HIJAU MELAKA 2024

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) telah menganjurkan Anugerah Hijau Melaka (AHM) sejak tahun 2015 bertujuan untuk memberi penghargaan serta pengiktirafan kepada agensi kerajaan dan swasta serta komuniti yang proaktif dalam melaksanakan amalan teknologi hijau di negeri Melaka. Majlis AHM 2024 merupakan malam kemuncak dimana para pemenang Anugerah Hijau Negeri Melaka akan diraikan dan majlis berprestij tersebut akan disempurnakan oleh **YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka** pada **27 September 2024 (Jumaat)** bertempat di **Hotel Courtyard By Marriott Melaka**.

3. Penganjuran AHM merupakan inisiatif mempergiatkan promosi kesedaran dalam kelestarian di Melaka dengan menggalakkan penglibatan lebih ramai individu dan organisasi ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. AHM juga merupakan platform jaringan dan jalinan kolaborasi pelbagai pihak termasuk badan kerajaan, badan korporat dan badan bukan kerajaan bagi menjalinkan kerjasama strategik ke arah masa depan yang lebih seimbang dan lestari.

**EXCO KANAN (PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN, SALIRAN, PERUBAHAN IKLIM DAN
PENGURUSAN BENCANA)**

Jabatan Ketua Menteri Melaka, Aras 2, Blok Bendahara, Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.
Tel : 06-230 7405 Fax : 06-232 8928

4. Sehubungan dengan itu, PTHM memohon jasa baik **YB Datuk / SS Datuk Wira / YDH Datuk Wira / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Dato' Indera / YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / YBhg. Datin / Tuan / Puan** untuk bantuan sumbangan atau tajaan berbentuk kewangan / barangan elektrik / cenderahati / bawcher / kupon / hamper dan lain - lain bagi menjayakan majlis AHM 2024. Para penaja berpeluang menerima **Anugerah Most Valuable Partner** yang akan disampaikan oleh Ketua Menteri Melaka pada majlis tersebut.

5. Bersama-sama ini disertakan lampiran **Pakej Tajaan dan Borang Pengesahan Tajaan** untuk perhatian dan tindakan pihak **YB Datuk / SS Datuk Wira / YDH Datuk Wira / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Dato' Indera / YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / YBhg. Datin / Tuan / Puan** selanjutnya. Sumbangan kewangan boleh disalurkan kepada **Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Bank Maybank (No Akaun : MBB 554138011558)** secara **Electronic Funds Transfer (EFT) / Local Order (LO) / cek / tunai** selewat-lewatnya pada **15 September 2024 (Rabu)**.

6. Tajaan selain kewangan yang berbentuk barangan boleh dihantar ke pejabat PTHM di alamat **Perbadanan Teknologi Hijau Melaka, Aras 3, Wisma Negeri, Bandar MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh Melaka**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan penajaan, dapatlah kiranya pihak **YB Datuk / SS Datuk Wira / YDH Datuk Wira / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Dato' Indera / YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / YBhg. Datin / Tuan / Puan** berhubung terus dengan pihak urusetia:-

I. **Urusetia** : **Nurulhuda binti Ibrahim**
Talian : 06-3333333 samb. 5248
H/P : 012-6489116
Faks : 06-2324764
Email : huda@melakagreentech.gov.my

II. **Urusetia** : **Nur A'dilah binti Md Sharip**
Talian : 06-3333333 samb. 5247
H/P : 019-6724738
Faks : 06-2324764
Email : adilah@melakagreentech.gov.my

7. Segala perhatian dan sokongan **YB Datuk / SS Datuk Wira / YDH Datuk Wira / YBhg. Datuk Wira / YBhg. Dato' Indera / YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / YBhg. Datin / Tuan / Puan** berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sekian, salam hormat.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"



Saya yang menjalankan amanah,

(Y.B DATUK RAIS BIN DATUK WIRA YASIN)

EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran,
Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana



ANUGERAH HIJAU MELAKA 2024

Melaka Mampan, Pintar & Lestari

27 September 2024 | Jumaat | 7.30 malam

Hotel Courtyard by Marriott, Melaka

Tetamu kehormat
YAB DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH
KETUA MENTERI MELAKA

Anugerah Hijau Melaka (AHM) merupakan platform penghargaan dan pengiktirafan kepada agensi kerajaan, swasta, Industri dan komuniti yang melaksanakan amalan teknologi hijau di negeri Melaka.

Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) mengalu-alukan tajaan dan pembelian daripada semua pihak bagi menjayakan Majlis Anugerah Hijau Melaka 2024.

ANJURAN :



Pakej Penajaan AHM



Pembelian Meja AHM



www.melakagreentech.gov.my



[pthm.official](https://www.instagram.com/pthm.official)



MALAYSIA MADANI



*Bijak Laksamana Tuah,
Berani Laksamana Jebat*